



PENGAMAN



MAJALAH POLIS DIRAJA MALAYSIA

BIL. 1/2016

www.rmp.gov.my

WPV
6342

WSF
5282

Menarik di dalam :

JSPPT Perkukuhkan PDRM
ms 12

Adult Learning Approaches
ms 67

Budaya Hedonisme
dalam Masyarakat
ms 103



SIDANG Redaksi

Penasihat

ACP Datin Asmawati Ahmad

Editor

SUPT Venugopal Navaretnam

Penolong Editor

DSP Arshad Mat

Y. Brs. Prof. Dr. Mohamad Ismail Mohamad Yunus (Perundangan)

ASP Mohd Zaki Abu Bakar

ASP Mohd Nizam Hj. Jamaluddin

ASP Noor Basirah Bidin

Staf Penerbitan

Sjn. Mohamad Wahid Mat Din

Kpl. Aslam Syir Khan Fairuz Khan

Kpl. Mohd Azahar Ahmad Suhaimi

L/Kpl. Mohd Iqbal Nasruddin

L/Kpl. Shazril Abd. Rashid

L/Kpl. Sathish Menon Silvaraman

Pn Shimatul Aida Maamor

Alamat Surat-Menyurat

Unit Penerbitan & Publisiti

Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)

Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia

Bukit Aman 50560


Kuala Lumpur

Tel: 03-2266 8325 / 8326 / 8329 / 8331

Faks: 03-2266 8330

Dicetak oleh

Attin Press Sdn bhd



Oleh: Dr. Hj. Mohamad Ismail bin Mohamad Yunus
Timbalan Dekan (HEP) Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

ISLAM ANTI KEGANASAN

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini, masyarakat Islam sering dikaitkan dengan insiden-insiden keganasan yang berlaku di seluruh dunia. Akibat daripada perbuatan segelintir golongan yang tidak bertanggungjawab dengan melakukan pelbagai aksi teroris, intimidasi serta menakut-nakutkan sesetengah masyarakat lain, maka ini telah menjadikan masyarakat Islam sebagai sasaran untuk dilabelkan sebagai pengganas. Sesungguhnya agama Islam bukanlah agama yang menganjurkan keganasan kerana makna Islam itu sendiri yang berasal dari perkataan arab 'Salama' yang membawa maksud atau pengertian selamat. Selamat kepada mereka yang menerima agama Islam sebagai pegangan hidup, serta Islam menjanjikan keselamatan dari segi agama, nyawa, akal, maruah dan harta kepada semua yakni yang beragama Islam dan bukan Islam. Objektif artikel ini adalah untuk menerangkan kepada para pembaca bahawa agama Islam merupakan agama yang mempromosikan keselamatan, kedamaian dan keamanan dan justeru itu disimpulkan bahawa agama Islam adalah merupakan agama anti keganasan.



7 MAR 2015

Kedatangan Islam adalah rahmat kepada sekalian umat manusia.

Keganasan IS calar wajah kesejahteraan Islam

Tentera tak boleh bertindak zalim, tinda orang diperangi

Kedatangan Islam adalah sebagai rahmat kepada sekalian umat manusia dan

tidak ada tangan musuh yang tersambung di sebelah musuh ini.

Pada masa sama, citra dan wajah kesejahteraan Islam cuba dikesakkan wajah berga kumpulan Islam yang kononnya berjihad sedangkan Islam yang sebenar tidak membolehkan ciri-ciri seperti yang mereka lakukan.

Rasa menci sedak, apa saja tindakan berbentuk keganasan oleh umat Islam bukanlah mencerminkan ajaran Islam itu sendiri. Islam menentang segala bentuk penadasan, kezaliman dan kezanasaman. Islam men-

ramkan bahawa satu masyarakat Islam yang sedang berkembang pesat di Erupah dan negara bekas komunis.

Islam sendiri tidak menggalakkan perang, malah Islam melarang pembunuhan. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Oleh kerana itu kami tetapkan (satu hukum) bagi kamu (yaitu), bahawa barang siapa yang membunuh seorang manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain atau bukan kerana membuat keretakan di muka bumi, maka sekiranya dia telah membatalkan kesucian-

tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesama juga) kerana setiap adil itu lebih hampir kepada takut dan bertakutlah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." (Surah al-Maidah, ayat 5)

Islam hanya meletakkan keganasan kepada perkara yang melampaui batas, pembunuhan, keadilan dan pemerdagangan terhadap keadilan orang lain dengan cara yang salah. Sebarang pemerintahan dan perjuangan menentang pemerdagangan adalah perjuangan sebesar dan ia amat mulia di sisi Islam.

Malangnya hari ini tafsiran keganasan telah disalahgunakan oleh musuh mengikut acuan mereka dan lebih malang lagi acuan itu digunakan oleh umat Islam sehingga berlaku pertembungan antara mereka.



ZAMANUDDIN JUSOH

Pengenalan

Pada satu masa dulu, istilah Islamik ekstrimis telah digunakan kepada para pelampau Islam yang sering kali dengan lantangnya menyuarakan sesuatu yang bertentangan dengan prinsip ajaran Islam yang sebenarnya. Kini istilah tersebut telah tenggelam, timbul pula istilah baru yang dikenali sebagai Islam terrorisme yang merupakan satu terminologi yang agak janggal dalam adat dan budaya masyarakat Malaysia sebagaimana asingnya tamadun dan budaya masyarakat yang melahirkan perkataan ini kepada masyarakat kita. Namun ia hanyalah satu terminologi semata-mata. Bagaimanapun ia mempunyai implikasi yang amat besar dalam kehidupan seseorang individu dan kesinambungan sesebuah negara. Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka memberi makna terroris sebagai satu perbuatan berbentuk keganasan. Pada dasarnya masyarakat barat melihat perbuatan keganasan ini sebagai satu tindakan pelampau yang dilakukan secara sengaja dan biasanya bermotif politik atau agama dan melibatkan kehilangan jiwa dan kemusnahan harta benda.

ISLAM MENURUT PERSPEKTIF BARAT

Ideologi terrorisme mula menjadi perhatian dunia selepas berlakunya insiden serangan ke atas Amerika Syarikat, iaitu di Washington dan New York pada tanggal 11 September 2001 di mana tuduhan demi tuduhan tanpa bukti kukuh berterusan dilemparkan kepada umat Islam yang dikatakan menjadi pelakunya. Semenjak itu, umat Islam terus dihujani dengan pelbagai tomanan dan tuduhan yang mencemar agama Islam dan ajarannya, serta pelbagai rencam propaganda yang melampaui batasan keamanan oleh pengaruh barat khususnya melalui penguasaan media mereka. Penguasaan pengaruh barat terhadap media utama dunia mempercepatkan lagi serangan propaganda mereka terhadap agama ini, imejnya, ajarannya dan anutannya, serta penganut dan negara-negara Islam. Mereka dilihat sebagai pelopor, pencetus dan penganjur keganasan serta anti barat. Satu tuduhan yang tidak berasas sama sekali iaitu Islam sebagai penganjur keganasan.

Pada hakikat yang sebenarnya, Islam bukanlah anti barat. Islam menyedari bukan semua yang ada atau

bermula dari barat sebagai buruk atau tidak Islamik. Hanyalah penganutnya yang berfahaman ekstrim atau tidak memahami ajaran Islam yang sebenarnya yang memusuhi barat. Malahan terdapat juga para pelampau yang bertopengkan Islam, menggunakan kesempatan dengan motif untuk menjadi batu api memburukkan perhubungan yang baik antara Islam dan Barat.

ISLAM PHOBIA

Dengan berlakunya pengeboman Pusat Dagangan Dunia (*World Trade Center*) pada 11 September 2001, kemuncak serangan propaganda Barat melalui media milik mereka terhadap Islam dan penganutnya semakin melonjak. Sememangnya umat Islam telah menjadi bahan serangan propaganda mereka sejak dua dekad yang lalu. Sejak era 70an dan 80an, apabila pesawat Pan Am dan TWA dirampas, mereka menuding jari kepada Islam walaupun tiada bukti yang kukuh. Begitu juga, serangan pengebom berani mati di Lebanon pada 80an dan penahanan

tebusan Amerika dan Eropah juga dikaitkan dengan orang Islam, walhal ia dilakukan oleh puak Syiah yang ideologi dan ajarannya bukanlah dari sumber ajaran Islam yang sebenarnya.

Dengan merujuk kepada kebanyakan insiden-insiden keganasan yang dikaitkan dengan Islam dan pengikutnya, perkara yang harus ditentukan ialah tentang status keislaman mereka adakah sebagai penganut Islam yang sebenarnya? Pemahaman mereka yang cetek terhadap Islam dan salah faham tentang ajaran Islam itu sendiri dan motif keganasan selalunya tidak diberi perhatian atau sengaja disembunyikan oleh media barat. Bak kata peribahasa Melayu 'kerana nila setitik rosak susu sebelanga', 'seekor kerbau membawa lumpur, habis semuanya terpalit'. Maka inilah satu pembohongan dan ketidakadilan yang mereka sengaja lakukan ke atas masyarakat Islam agar Islam dikenali oleh generasi-generasi yang mendatang sebagai satu agama yang berasaskan keganasan dan kezaliman.



Gambar Masaan

Wan
Mary
us, c

aysia k
terbar

Jumlah bas-bas bertolak dari...


ISLAMIK TERRORISME

Terminologi *Islamic Terrorist* sebenarnya tidak pernah wujud dan seharusnya tidak wujud di muka bumi ini, sebagaimana tiadanya istilah *Jewish Terrorist* atau pun *Christian Terrorist*. Ketiga-tiga agama Samawi yang suci ini sememangnya tidak mengajar para penganutnya menjadi pengganas atau penjenayah, dan tidak menyuruh pun mereka untuk melakukannya. Namun perkara inilah yang berlaku pada hari ini. Media barat pula mempelopori penggunaan perkataan ini bagi mengaitkan Islam dengan keganasan sebenarnya telah melakukan satu pembohongan. Mereka yang mencipta dan melahirkan istilah ini sebagaimana mereka jugalah yang melahirkan perlakuan ganas dalam masyarakat dan negara mereka yang menjadi ikutan pula oleh orang lain yang cetek pemikiran rasional. Apa yang dikesali ialah perangai ganas ini cuba dijustifikasikan pula sebagai sesuatu yang sah setelah diberi nafas baru menurut doktrin keagamaan, atau perjuangan sejagat menentang keganasan,

bahkan bagi membela hak asasi manusia dan lain-lain. Lebih parah lagi, kesilapan ini tidak pernah pun cuba diperbetulkan oleh media terutamanya media-media barat.

Mereka seolah-olah mahu menyembunyikan perkara yang sebenarnya dari diketahui oleh orang ramai. Mereka semacam berada dalam ketakutan kepada bayang-bayang sendiri. Setiap keganasan sudah tentu akan mengundang kerosakan dan kematian. Hakikat yang amat jelas, melakukan kerosakan dan pembunuhan dilarang keras dalam Islam. Begitu juga, keganasan dan pembunuhan yang dilakukan walaupun atas nama keagamaan sudah tentu terkeluar dari ajaran Islam. Agama Islam tidak menyuruh manusia berbunuhan sesama sendiri. Firman Allah SWT yang bermaksud;

"Oleh kerana itu, Kami tetapkan kepada Bani Israel bahawa barangsiapa yang membunuh



seorang manusia atas alasan bukan membunuh orang lain atau bukan kerana ia membuat kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah ia telah membunuh sekalian manusia".

Surah Al-Maidah (5:32)

Dalam ajaran Islam, sesiapa yang membunuh sesama manusia tidak akan merasa aman tenteram baik di dunia mahu pun di akhirat, dan azab untuk mereka di akhirat nanti adalah lebih perit lagi.

Authoriti di atas membuktikan bahawa keganasan yang menyebabkan kerosakan di muka bumi dan kehilangan nyawa merupakan perkara yang memang dilarang dalam Islam. Namun ajaran Islam yang sebegini rupa gagal difahami oleh barat bahkan oleh segelintir umat Islam juga. Memang tidak dapat dinafikan. Tetapi apa yang pasti, mereka yang melakukannya terdiri dari sebilangan kecil umat Islam yang amat cetek kefahaman Islamnya dan terdapat antara mereka

yang menjadikan agama untuk mencapai matlamat dan kepentingan peribadi dan fahaman politik songsang mereka.

Apa yang dikesalkan juga adalah sikap prejudis mantap Barat dan media mereka dalam melaporkan berita yang berkaitan dengan keganasan. Sesuatu yang tidak adil apabila mereka cuba membela dan menyembunyikan keganasan golongan militan, komunis dan penceroboh seperti kezaliman regim Yahudi di Israel tetapi sebaliknya sering memperbesarkan isu berkaitan umat Islam. Malahan umat Yahudi yang menceroboh dan mengganas di bumi Palestin seringkali pula digambarkan sebagai puak yang ditindas dan dianiaya oleh rakyat Palestin ketika mempertahankan apa yang mereka dakwa kononnya tanah air mereka.

Propaganda barat juga terserlah apabila terdapat beberapa buah negara Islam yang enggan tunduk kepada kehendak dan cita-cita mereka yang akan dilabel sebagai negara penganas.

Wanted terrorist Marwan not with us, claims MILF

SERDANG: The Moro Islamic Liberation Front (MILF) has denied "coddling" international terrorists Zulkifli Hir, better known as Marwan, and Abdul Basit Usman.

Its chief negotiator in the peace panel, Mohagher Iqbal, said the duo were not with the MILF.

"The truth will reveal that we have not been coddling Marwan. Marwan was in the company of BIFF (Bangsamoro Islamic Freedom Fighters)," he said at a joint press conference with the Philippine government here yesterday.

BIFF is a splinter group opposed to the peace talks.

When asked if MILF would hand Basit over to the authorities if he was in MILF territory, he said: "I don't want to sound philosophical but (you) cannot turn over someone who is not with you."

Mohagher Iqbal
Moro Islamic Liberation Front chief negotiator

"I don't want to sound philosophical but (you) cannot turn over someone who is not with you."

It is reported that Marwan has a US\$5 million (RM18 million) bounty on his head for his role in several terror attacks which had put him on the United States Federal Bureau of Investigation's most wanted list.

Marwan and Usman are bomb-making experts, and active with the Indonesia-based Jemaah Islamiyah.

Rumours have been circulating that Marwan was killed in the clash between Philippines police commandos and MILF rebel forces last week.


His picture has been circulating in local media but this news has yet to be validated.

An engineer by training, he is believed to have been born in Muar, Johor, in 1966.

He is said to be able to speak several languages, including English and Arabic.

Wan
Mar
us

Malaysia kutuk tindakan m
uterbang Jordan sehings



Terdapat banyak lagi perkara yang menyentuh sensitiviti umat Islam yang sengaja dicabul dan diperlekehkan oleh mereka. Sebagai contohnya, apa jua bentuk lakaran yang menggambarkan imej Nabi Muhammad SAW adalah satu larangan keras dalam Islam dan umatnya dilarang melakar, menyimpan atau mempromosi imej tersebut. Ini sebenarnya satu isu yang amat sensitif bagi umat Islam. Sebarang pelanggaran terhadap isu ini adalah satu pencabulan ke atas sensitiviti beragama dan juga satu penghinaan terhadap kepercayaan agama mereka. Tetapi malangnya, sensitiviti umat Islam ini tidak dihormati langsung oleh barat apabila majalah antarabangsa milik mereka secara terang-terangan menyiarkan imej Nabi Muhammad SAW. Inilah satu bentuk serangan media yang mereka lakukan terhadap umat Islam dengan mencabul sensitiviti keagamaan dan kepercayaan mereka.

Apa yang dapat dilakukan oleh negara dan umat Islam ialah melarang pendedaran majalah tersebut, Newsweek keluaran 11 Februari 2002, sebagai tindak balas terhadap keceluparan mereka demi

mempertahankan agama tercinta. Inilah satu bentuk sistem pertahanan yang mampu mereka lakukan demi menghalang serangan ke atas mereka. Tetapi yang menyedihkan sekali adalah respon dari setiausahanya, Robert Menard, bahawa larangan tersebut merupakan satu serangan terhadap kebebasan penyaluran maklumat dan menghadkan hak awam untuk menikmati saluran maklumat dan penerbitan.

Persoalannya, adakah mereka sudah tidak dapat berfikir secara lebih waras lagi bahawa sikap dan pencabulan yang mereka lakukan terhadap umat Islam itu sebenarnya adalah satu serangan terhadap agama dan kepercayaan masyarakat Islam keseluruhannya. Merekalah sebenarnya yang mempunyai agenda untuk menyerang Islam dan umatnya melalui penguasaan media. Ajaran Islam sendiri amat melarang umatnya menyerang atau mempertikai apa jua kepercayaan dan pegangan agama kaum lain. Ini sensitiviti yang Islam ajarkan kepada umatnya supaya sentiasa menghormati. Firman Allah SWT yang bermaksud;



Gambar Hiasan

"Bagi kamu agama kamu dan bagiku
agamaku"

Surah Al Kafirun (109:6)

Serangan keganasan bukan saja boleh dinilai dalam bentuk serangan fizikal atau bersenjata, perampasan kuasa dan harta benda, tetapi juga dalam bentuk serangan terhadap psikologi individu dan masyarakat, ideologi kepercayaan dan ajaran sesuatu anutan keagamaan. Serangan ini lebih mudah dan berleluasa dalam bentuk penyebaran maklumat melalui media dan sistem komunikasi yang sememangnya tanpa dikawal selia dan sempadan. Inilah apa yang dialami oleh masyarakat Islam kini. Serangan musuh Islam ke atas mereka bukan sahaja dengan menuduh mereka sebagai umat yang melatih pengganas, tetapi juga terhadap ajaran Islam. Menurut mereka, jihad dalam Islam adalah satu bentuk latihan dan persiapan ketenteraan yang dilakukan untuk melatih pengganas dan pengebom berani mati. Mereka tidak memahami secara jelas konsep jihad dalam Islam sebenarnya. Jihad dalam Islam bukannya untuk mencari kematian semata-mata dan Islam juga tidak menganggap umatnya yang membunuh diri sehingga mengorbankan

nyawa manusia, wanita, kanak-kanak dan orang tua yang tidak berdosa sebagai mati dalam perjuangan jihad yang suci atau mati syahid.

Begitu juga, cara berpakaian dalam Islam turut menjadi bahan serangan dan propaganda musuh Islam. Mereka menganggap bahawa ciri-ciri pakaian dalam Islam akan menjejaskan integrasi kaum yang lantaran itu menjadi punca berlakunya perpecahan dan perpaduan kaum. Aspek pakaian sesuatu bangsa bukan penentu atau pengukur kepada integrasi atau perpecahan dalam perpaduan negara, malah ia sebaliknya akan mengeratkan lagi kekuatan sesuatu bangsa dan negaranya. Aspek pakaian dalam Islam adalah satu ajaran murni Islam, dan pendapat yang mengatakan pakaian Islam akan menjejaskan integrasi dan perpaduan kaum sebenarnya menganggap bahawa ajaran Islam tidak sesuai atau tidak menyumbang kepada perpaduan kaum, malah sebaliknya mengancam kestabilan negara. Umat Islam seharusnya menyedari akan penipuan dan tuduhan yang dikenakan ke atas mereka dan mereka sepatutnya memperjelaskan kebenaran melalui proses dakwah dan tarbiyyah demi untuk



Gambar Hinaan



Gambar Hiasan

mempertahankan maruah dan kesucian agama mereka.

Sebagaimana asingnya istilah ini pada masyarakat negara ini yang majoritinya adalah umat Melayu beragama Islam, begitu juga asingnya ia pada pandangan agama yang menjadi anutan kelompok masyarakat terbesar negara ini. Sebagai satu istilah yang mempunyai konotasi perbuatan yang ganas, ia sudah tentulah tidak wujud dalam ajaran agama yang diwahyukan oleh Allah SWT. Sama ada sebagai satu bentuk pembalasan mahu pun pembelaan. Keganasan bukan satu ajaran atau tuntutan Islam. Malah Islam amat melarang umatnya mengambil jalan yang berbentuk keganasan dalam menyelesaikan masalah. Firman Allah SWT yang bermaksud;

"Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, turutilah dan bertawakkallah kepada Allah, Dia Amat Mendengar lagi Amat Mengetahui".

Surah Al-Anfal (8:61)

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, apa yang dibincangkan secara ringkas di atas adalah bersumber dari ajaran agama Islam yang sebenar, menuntut

kepada keamanan dan kedamaian, bukannya perseteruan dan keganasan. Umat Islam diajar untuk mempertahankan diri dengan segala bentuk kekuatan, namun perdamaian bukan sesuatu yang sukar untuk dicapai melalui proses perbincangan, bukannya melalui keganasan, kehilangan nyawa, penumpahan darah, kemusnahan harta benda dan tempat tinggal dan sebagainya.

Ajaran agama Islam amat menjunjung tinggi nilai kedamaian, keselamatan, hormat menghormati dan kasih sayang sesama manusia. Allah SWT mengingatkan kita dengan firman-Nya;

"Dan tiadalah kami mengutus kamu (Muhammad), melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam."

Surah Ali-Anbiya (21:107)

Bahkan hadis Rasulullah SAW sekalipun, banyak sekali yang memerintahkan umatnya untuk saling menyayangi, mengasihi sesama manusia. Baginda bersabda;

"Dia yang Maha Penyayang menyayangi mereka yang penuh kasih sayang. Sayangilah

mereka yang ada di bumi, nescaya makhluk yang ada di langit akan menyayangimu".

Tidak ada alasan dalam Islam untuk membolehkan aksi keganasan kerana cara tersebut bertentangan dengan prinsip-prinsip ajaran agama Islam. Tidak ada satu alasan pun yang membenarkan perbuatan tersebut. Sekiranya perbuatan tersebut dilakukan bertujuan untuk berdakwah, maka sudah tentu menyalahi perintah Allah SWT dan Rasul-Nya. Allah SWT memerintahkan kepada kita dalam berdakwah agar dilakukan dengan cara yang baik, sopan santun penuh hikmah dengan kelembutan, bukan dalam bentuk menggunakan kekerasan atau paksaan.

Allah SWT mengingatkan kita dalam firman-Nya yang bermaksud;

"Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi

berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu ma'afkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawarallah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apa bila kamu telah berazam, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepadaNya".

Surah Ali Imran (3:159)

"Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan cara yang hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahilah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

Surah Al-Nahl (16:125)

Wanted terrorist
Marwan not with
us, claims M

Asia kutuk tindakan militan IS bakar
terbang Jordan sehingga mati



Don't meet in
London
on 10/10/14

